

MEMBANGUN EKONOMI UMMAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala* di dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ

اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبِعِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Yang bermaksud: *"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan "*.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Umat Islam adalah bersaudara, mereka digambarkan sebagai sebuah bangunan yang kukuh yang saling tolong menolong antara satu sama lain. Sikap tolong menolong ini bukan sahaja terbatas pada tenaga, ilmu pengetahuan, ibadah dan sebagainya tetapi ia juga meliputi aspek pembangunan ekonomi. Sebab itulah Islam memfardhukan zakat, menggalakkan sadaqah, hibah, wakaf, hadiah dan lain-lain. Ini kerana ekonomi Islam memerlukan keseimbangan duniawi dan ukhrawi. Sebab itulah Islam tidak menghalang umatnya mencari kekayaan asalkan ia mengambil kira pembangunan yang mencapai maqasid syariah iaitu; menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Keadaan ini menggambarkan pembangunan ekonomi Islam mestilah menjaga kualiti kehidupan manusia. Oleh kerana itu, Islam telah meletakkan asas-asas yang kukuh untuk panduan manusia di dunia ini. Islam menolak golongan yang menumpukan dunia dan meninggalkan akhirat, Islam juga menolak golongan yang menumpukan akhirat yang mengabaikan kehidupan dunia. Islam menggalakan manusia sentiasa bersederhana dalam semua perkara terutama yang berkaitan dengan hal-hal keduniaan. Sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah :

عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَجْمَلُوا فِي طَلَبِ
الدُّنْيَا فَإِنَّ كَلًّا مُيَسَّرَ لِمَا خُلِقَ لَهُ

Yang bermaksud: *Perelokkanlah cara kamu dalam menuntut perkara dunia. Sesungguhnya setiap orang adalah dipermudahkan berdasarkan ketentuan yang telah ditetapkan kepadanya.*

Mencari kekayaan adalah perkara yang disyariatkan dalam agama Islam. Di dalam al-Qur'an banyak terdapat ayat-ayat yang menyeru untuk mencari rezeki dan berusaha di atas bumi, antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Jumua ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ

كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: *Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat).*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahuwa-Taala,

Dalam buku *al Mausu'ah al Fiqhiyah* ada dinyatakan hukum mencari kekayaan dalam syariat Islam. Mencari kekayaan kadangkala menjadi wajib jika usaha yang dilakukan itu untuk mendapatkan penghasilan bagi memenuhi keperluan diri dan

keluarga serta mengelakkan dari meminta minta. Ia menjadi sunnah jika usaha itu untuk memberikan tambahan kepada nafkahnya dan nafkah keluarganya atau dengan tujuan membantu golongan fakir miskin dan menyambung silaturahim.

Menurut ulama mencari kekayaan dengan niat seperti ini lebih utama daripada beribadah. Mencari kekayaan adalah harus jika untuk memberikan tambahan dari keperluan atau menikmati kehidupan duniawi. Ia menjadi makruh jika untuk tujuan berbangga bangga walaupun harta yang dicari itu dengan cara yang halal. Ia menjadi haram apabila harta yang dicari melalui jalan yang haram seperti riba, rasuah, menipu dan seumpamanya.

Dalam usaha menjana ekonomi ini, Islam telah menggariskan beberapa panduan yang perlu diikuti agar segala kemajuan dan limpahan rezeki yang diperolehi sentiasa diredai oleh Allah Subhanahuwa-Taala, antaranya niat yang ikhlas dalam mencari rezeki yang halal dan dibelanjakan pada jalan baik. Janganlah menjadi hamba kepada harta sehingga bersifat bakhil dan tamak haloba hingga lalai mengingati Allah SWT .

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahuwa-Taala*,

Umat Islam perlu saling membantu antara satu sama lain dalam meningkatkan ekonomi ummah. Kita mesti mengutamakan produk umat Islam berbanding dengan produk yang lain. Premis perniagaan umat Islam perlu didahulukan daripada premis yang lain walaupun terdapat sedikit perbezaan harga. Apabila semangat ini wujud maka makin ramailah umat Islam yang kaya raya. Akhirnya kekayaan ini akan menjadikan kutipan zakat akan bertambah, dana wakaf makin meningkat, kesemuanya ini akan mengurangkan kemiskinan, pendidikan umat Islam akan dipertingkatkan dan golongan keciciran akan berkurangan. Allah Subhanahuwa-Taala berfirman dalam surah al-Maidah, ayat 2:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ

اللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.